

Pupuk nilai patriotisme belia secara berterusan

Oleh Dr Wasitah Mohd Yusof

MARCAPADA ini, pelbagai isu negatif terhadap masyarakat terpapar di ruang media massa. Isu kos sara hidup yang tinggi, kebebasan bersuara, rasuah, radikalisme, ekstremisme dan sebagainya menjadi perbualan saban hari.

Masyarakat terutama belia semakin terdedah dengan pelbagai perkara buruk, baik daripada segi psikologi maupun menerusi tindak-tanduk sehari-hari mereka.

Perkara negatif ini secara tidak langsung memberi implikasi kurang baik kepada pembinaan sebuah negara bangsa yang berdaulat. Hal ini juga boleh mengganggu gugat serta menghakis nilai patriotisme atau cintakan negara dalam kalangan belia.

Walaupun begitu, menurut Azimi Hamzah dan Turiman Suandi (1997), tahap patriotisme memerlukan kajian secara empirikal kerana tiada bukti saintifik dan berbentuk statistik. Walaupun dilihat nilai patriotisme belia di Malaysia semakin menipis dek isu negatif ini, agak sukar hendak meletakkan tahap patriotisme sebenarnya secara saintifik.

Belia penentu masa depan negara

Berdasarkan statistik Jabatan Perangkaan Malaysia (2015), pada 2014 jumlah belia Malaysia adalah seramai 13,882.6 juta atau 45.90 peratus daripada jumlah populasi penduduk Malaysia. Ini satu angka yang besar. Belia adalah aset negara dan 'jika ingin melihat masa depan sesebuah negara, maka lihatlah generasinya pada hari ini'. Lihat sahaja betapa pentingnya belia dalam menentukan masa hadapan negara. Betapa pentingnya nilai patriotisme yang perlu ada pada diri belia supaya negara berdaulat ini akan terus merdeka. Namun, adakah belia kita benar-benar cintakan negara? Sejauh manakah tahap patriotisme mereka?

Bertitik tolak daripada itu, maka satu kajian bagi menentukan tahap patriotisme belia di Malaysia telah dijalankan pada 2015 oleh Institut Penyelidikan Pembangunan Belia Malaysia (IYRES) dengan kerjasama Pakar Rujuk Dr Hamidi Ismail dari Universiti Utara Malaysia (UUM). Kajian ini menggunakan teknik bancian terhadap 1,500 responden pelbagai bangsa yang mewakili lima zon iaitu Utara, Selatan, Timur, Tengah, Malaysia Timur (Sabah dan Sarawak).

Melihat tahap patriotisme belia ini secara tuntasnya mengikut zon, didapati Zon Tengah kritikal dengan semangat patriotisme kerana statistik peratusan menunjukkan kategori tinggi hanya dicapai sebanyak 66 peratus. Sebaliknya, lain-lain zon mencatat nilai peratusan melebihi 70 peratus. Namun begitu, Zon Timur kelihatan mendahului tahap patriotisme belia dengan nilai 80 peratus berada dalam kategori tinggi.

Patriotisme belia masih tinggi

Oleh itu, jelas menunjukkan bahawa isu semasa mengenai tahap patriotisme masyarakat termasuk belia yang rendah adalah kurang tepat. Perkara ini dibuktikan dengan dapatan kajian yang menunjukkan belia Malaysia masih tinggi tahap patriotismenya, kecuali tahap patriotisme belia dalam kawasan Zon Tengah yang kelihatan sederhana berbanding lain-lain zon.

Bagaimanapun, ia hanya sekadar andaian yang mungkin kurang tepat untuk dibuat secara umum. Namun begitu, statistik hasil kajian mungkin boleh menggambarkannya secara menyeluruh dan bukannya secara tepat untuk mengukur manusia yang agak rumit atau dinamik. Justeru, apa yang penting adalah tahap patriotisme belia di Malaysia masih berada dalam kategori tinggi secara puratanya.

Secara deduksinya, jika dilihat dalam konteks zon kajian, didapati ada beberapa perkara lompang dalam nilai patriotisme belia. Lompang atau kelemahan itu tidaklah ketara sehingga meletakkan Malaysia dalam keadaan dilema mahupun bermasalah.

Bagaimanapun, sebagai inisiatif berjaga-jaga eloklah semua pihak yang berperanan mengambil usaha untuk meningkatkan nilai patriotisme ke suatu tahap yang lebih membanggakan. Hal ini penting memandangkan ledakan maklumat secara terbuka boleh mengancam jati diri belia pada masa akan datang, sekali gus dibimbangi memburukkan keadaan.

Keadaan ini pastinya tidak boleh dijadikan fakta penting yang menunjukkan sikap sebenar anak watan pewaris negara kita tidak patriotik mahupun tidak sayangkan negara.